

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENANTI
YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN**

4. Pertambahan taman perumahan di kawasan Kampung Mengkuang Titi dan Kampung Kuala Mengkuang / Simpang Tiga Kubang Ulu di Mukim 18, 19 dan 20 dan menyebabkan tanah perkuburan Islam menjadi terhad di kawasan tersebut.
 - (a) Apakah perancangan Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) untuk mewujudkan tanah perkuburan Islam yang baru di kawasan tersebut?

**YB. DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Setakat ini, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) tiada perancangan untuk mewujudkan tanah perkuburan Islam yang baharu di sekitar kawasan Kampung Mengkuang Titi dan Kampung Kuala Mengkuang / Simpang Tiga Kubang Ulu di Mukim 18, 19 dan 20. JHEAIPP mendapati tapak perkuburan sedia ada adalah mencukupi.

Dalam keadaan di mana tapak perkuburan yang berhampiran dengan mana-mana penempatan penduduk dalam Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) telah mencapai tahap penggunaan maksimum, penduduk Islam di kawasan tersebut boleh menggunakan tapak perkuburan Islam berpusat iaitu Tanah Perkuburan Islam Bandar Baru Perda di atas lot PT 3006 Mukim 6 SPT. Tapak perkuburan yang berkeluasan 4.56 ekar ini boleh diakses melalui Jalan Perda Barat, Bandar Baru Perda.

